

JABATAN PERTANIAN NEGERI SELANGOR

MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
1.	YB Permatang	- Mohon naiktaraf harga padi daripada 1,520 hektar kepada 1,350 hektar. - Inisiatif RM50 perlu diberikan kepada Kerajaan Negeri. - Kawal harga input pertanian baja. - Tingkatkan kualiti benih hantar pada masa sesuai agar tiada pembaziran iaitu penghantaran pada masa hendak digunakan. Racun seranggan disalurkan kepada pesawah mengikut kesesuaian semasa.	- Penentuan harga belian padi putih adalah dalam bidang kuasa kerajaan pusat. - Walaubagaimanapun, untuk pembangunan projek tanaman padi di negeri Selangor , kerajaan negeri memberikan insentif kepada penanam padi untuk meningkatkan pengeluaran hasil. Pada tahun 2021 peruntukan sebanyak RM2.91 juta telah disalurkan oleh kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian. Peruntukan ini memberikan manfaat kepada 3000 pesawah di Barat laut Selangor. Insentif disalurkan dalam bentuk input baja, bahan kawalan perosak dan peralatan jentera kecil. - Pihak Jabatan Pertanian Bersama agensi terlibat seperti IADA, LPP dan MARDI sentiasa memastikan kualiti benih sentiasa terpelihara.

LAMPIRAN A

2.	YB Sabak	- Masalah serangan serangga perosak batang tanaman padi. Mohon mewujudkan peruntukan khas untuk menangani masalah ini. Mohon PKPS ambil industri padi Negeri Selangor untuk menyelesaikan masalah berkenaan tanaman padi di Negeri Selangor.	- Jabatan pertanian mengambil serius berkenaan serangan perosak padi khususnya Ulat Pengorek Batang (UPB) & Ulat Gulung Daun (UGD). Oleh itu pihak kerajaan negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1.035 Juta untuk mengawal kemerebakan perosak tersebut. Peruntukan tersebut telah memberikan kelegaan kepada 5000 pesawah yang terjejas khususnya Kawasan Sabak Bernam
3.	YB Sungai Panjang	- Masalah serangan serangga perosak batang tanaman padi. Mohon peruntukan khas untuk menangani masalah ini. Juga menambahbaik sistem pengairan dan perparitan bagi mengelakkan banjir serta menambah peruntukan untuk penyelenggaraan palung yang rosak.	- Jawapan sama seperti no.2
4.	YB Lembah Jaya	- Pertanian dalam bandar (Urban Farming) –menggunakan teknologi terkini tanaman dalam bandar sebagai pendapatan kepada warga Selangor.	- Jabatan pertanian telah melaksanakan Program Pertanian Bandar (Urban Farming Program) bermula pada tahun 2014. Pelbagai teknologi dan kaedah penanaman telah diperkenalkan kepada penduduk bandar yang bersesuaian dengan keluasan projek atau kediaman mereka (kaedah fertigasi, hidroponik dan aquaponic). Kerjasama yang baik daripada

			pelbagai pihak terutama pihak PBT dan persatuan komuniti telah merencanakan lagi program pertanian bandar ini. - Oleh itu, pihak Jabatan pertanian telah mengujudkan satu portfolio disetiap daerah iaitu pegawai penyelia pertanian bandar untuk memantau serta memberikan khidmat nasihat khusus kepada golongan sasar. Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, khidmat nasihat diberi oleh pegawai secara atas talian. - Pihak jabatan pertanian telah menjalankan Kerjasama kepada hampir semua PBT untuk mengenalpasti Kawasan-kawasan yang bersesuaian serta penduduk/komuniti yang berminat untuk melaksanakan program Pertanian bandar. Antara matlamat program yang dijalankan adalah memastikan peserta yang mengikuti program ini mendapat manfaat dengan mengurangkan belanja dapur harian. Selain itu, program pertanian bandar ini menjadi solusi kepada keselamatan dan jaminan makanan. - Di dalam program pertanian bandar ini, aspek inisiatif hijau diterapkan
--	--	--	--

LAMPIRAN A

			dimana bahan buangan sisa dapur boleh dikitar semula menjadi bahan penyubur tanaman. Penekanan berkenaan food safety dengan penggunaan “zero chemical pesticide” juga ditekankan.
7.	YB Pandan (MP)	- Food Synergy- menggalakkan urban farming di kalangan komuniti yang boleh membekalkan sumber makanan sihat dan membuat program atas talian bagi berkongsi ilmu urban farming dan promosi.	- Jawapan sama seperti perkara 4
PENGESAHAN KETUA JABATAN			